

# Subsidi bersasar bahan api wajar bermula dengan diesel

Berita Harian · 3 Sep 2022 · Oleh Hazwan Faisal Mohamad

Sumber paling banyak disalah guna, seludup berbanding petrol hazwanfaisal@bh.com.my



Pelaksanaan subsidi bersasar bahan api wajar dimulakan dengan diesel memandangkan sumber itu paling banyak disalah guna berbanding petrol.

Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata diesel banyak disalah guna oleh segmen perindustrian yang diambil pada harga runcit di stesen minyak.

Selain itu, katanya penyeludupan diesel ke negara jiran terus berlaku walaupun penguatkuasaan diperketat dan mungkin menyebabkan penyalahgunaan diesel menjadi lebih besar dari segi jumlah dan nilai berbanding petrol.

“Justeru, setiap segmen dalam kajian harus menyeluruh kerana kenaikan diesel memberi kesan besar kepada pengangkutan bas dan lori yang akan memberi kesan kenaikan harga barang dan tiket.

“Selain itu, sektor seperti bas kilang dan bas sekolah juga terkesan, sekali gus memberikan tekanan kepada kos pengangkutan. Begitu juga dengan sektor nelayan,” katanya kepada BH.

Maybank Investment Bank (Maybank IB) dalam nota penyelidikannya baru-baru ini berkata, pengguna dijangka perlu membayar RON95 dan diesel mengikut harga pasaran apabila subsidi bersasar berkemungkinan besar dilaksanakan tahun depan.

Menurut nota itu, pihaknya menjangkakan harga RON95 dan diesel lebih tinggi tahun depan dengan semakan semula subsidi bahan api.

“Kami difahamkan ujian mekanisme subsidi bersasar dimulakan bulan lalu dan akan berjalan tiga hingga enam bulan.

“Justeru, anggapan kami subsidi bahan api disemak semula tahun depan sebagai sebahagian agenda dalam Bajet 2023 yang dijadualkan 7 Oktober ini,” kata Maybank IB. Dalam pada itu, Aimi Zulhazmi berkata, pelaksanaan subsidi bersasar akan menjadi lebih berkesan daripada pengumpulan data secara dua hala bagi memastikannya tidak dapat disalah guna seperti pernah berlaku sebelum ini, antara lain membabitkan subsidi diesel untuk nelayan.

“Penggunaan subsidi juga perlu diolah kembali supaya lebih tepat dan berkesan. Adalah amat penting untuk menyelaraskan subsidi bahan api kerana ia dijangka mencecah RM31 bilion tahun ini berbanding peruntukan belanjawan hanya RM4 bilion.

“Jika tidak, kebocoran melalui salah guna dan penyeludupan Penganalisis ekonomi UNIKL Business School memberi kesan kewangan kepada negara. Ia juga menyebabkan ketirisan, terutama kutipan cukai daripada rakyat dan korporat,” katanya.

Sementara itu, penganalisis ekonomi Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata beliau bersetuju dengan cadangan seandainya subsidi bersasar diberikutan mengikut kumpulan pendapatan isi rumah.

Sebagai contoh, beliau berkata, memperkenalkan sistem pemberian 100 peratus subsidi kepada B40, 50 peratus kepada M40 dan tiada subsidi langsung kepada T20.

Namun, tegasnya ia tidak boleh menggunakan sistem kad subsidi seperti diamalkan beberapa negara lain kerana cenderung untuk disalah guna pihak tertentu.

“Seeloknya guna sistem Mysejahtera yang mudah untuk peniaga dan penguat kuasa melakukan pengesahan serta pemantauan.

“Pengguna hanya boleh mendapatkan subsidi melalui pengesahan menerusi imbasan muka dalam aplikasi berkenaan,” katanya.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, barubaru ini berkata subsidi Malaysia dijangka mencecah RM80 bilion tahun ini yang tertinggi dalam sejarah negara. Beliau yang memetik angka Jabatan Perangkaan Malaysia berkata, tanpa subsidi inflasi negara boleh mencecah lebih daripada 12 peratus.

Katanya, berbanding negara ASEAN lain seperti Indonesia dengan kadar inflasi pada (4.9 peratus), Filipina (6.4 peratus), Singapura (7.0 peratus) dan Thailand (7.6 peratus), kadar inflasi Malaysia dianggap rendah.

Penganalisis ekonomi Putra Business School